



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM INTEGRASI KASIH KPWK
SEMPENA PENYERAHAN PROJEK FIZIKAL KAMPUNG ANGKAT
MADANI**

LOKASI / TARIKH / MASA

**KAMPUNG PASIR PEKAN TENGAH, TUMPAT, TUMPAT KELANTAN
17 Januari 2025 (JUMAAT)
7.30 PAGI**

Kemas kini 15 Januari 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, kita dapat berkumpul bersama di **Kampung Angkat MADANI, Kampung Pasir Pekan Tengah** untuk menjayakan **Program Integrasi Kasih MADANI KPWK** sempena **Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI** kepada komuniti kampung.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan Kampung Angkat MADANI ini. Saya dimaklumkan oleh Datuk Dr. KSU bahawa selain penduduk kampung, agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi Awam, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Sukarelawan juga bergabung serta menggembeleng tenaga melalui kepakaran masing-masing dalam menjayakan

pembangunan Kampung Angkat MADANI ini. Tahniah dan syabas kepada anda semua!

3. **Terima kasih juga kepada seluruh warga Kampung Pasir Pekan Tengah** yang memberikan komitmen untuk hadir dan bersama-sama sepanjang pelaksanaan projek Kampung Angkat MADANI KPWKM ini. Ini menunjukkan solidariti warga kampung dalam memastikan Kampung ini menjadi

sebuah kampung yang dinamik dan bersedia menerima perubahan demi kesejahteraan bersama.

Puan-puan dan tuan-tuan,

TEMA DAN OBJEKTIF KAM SERTA PENGANJURAN PROGRAM INTEGRASI KASIH

4. Projek Kampung Angkat MADANI diperkenalkan untuk merapatkan jurang kemudahan asas antara desa dan bandar serta mencari penyelesaian terbaik kepada cabaran

komuniti setempat. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan komuniti yang sejahtera dan harmoni.

5. Tema **K.A.S.I.H.** diketengahkan, merangkumi nilai **Kasih sayang, Akhlak mulia, Sihat fizikal dan mental, Berilmu, dan Harmoni.** Tema ini mencerminkan slogan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang menitikberatkan kesejahteraan sosial penduduk kampung.

6. Program ini juga bertujuan membawa perkhidmatan kerajaan terus ke kampung bagi memudahkan akses. Ia juga menghargai sumbangan semua pihak melalui penyampaian sijil penghargaan dan memupuk kerjasama serta semangat kasih dalam komuniti melalui aktiviti pendampingan sosial.

MANFAAT KAMPUNG ANGKAT MADANI

7. Pada awal bulan Disember, saya sempat meninjau Projek Kampung Angkat MADANI KPWKM. Hari ini, pelbagai kemudahan fizikal seperti jeti, laluan pejalan kaki, lampu

jalan solar, ruang rekreasi kanak-kanak, dan Dataran Pasir Pekan Tengah telah siap sepenuhnya. Kawasan ini kini sesuai sebagai lokasi rekreasi dan tarikan penduduk setempat.

8. Selain kemudahan fizikal, projek bukan fizikal seperti Program Psikososial, pemeriksaan kesihatan, penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), dan pasukan perlindungan serta kebajikan kanak-kanak turut

dilaksanakan. Gabungan kedua-dua projek ini membawa manfaat besar kepada semua lapisan masyarakat, daripada kanak-kanak hingga warga emas.

9. Dengan peruntukan RM2.5 juta yang dimanfaatkan sepenuhnya, projek ini membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan terhadap pembangunan komuniti. Saya berharap penduduk kampung akan memanfaatkan kemudahan ini dengan penuh rasa kepunyaan, sambil terus menyokong inisiatif yang memfokuskan kumpulan sasar seperti kanak-kanak dan warga emas.

PENUTUP

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. KPWKM menyedari bahwa usaha memastikan kesejahteraan masyarakat memerlukan sokongan pelbagai pihak. Justeru, saya sekali lagi **mengalu-alukan kerjasama strategik semua pihak** bagi memperkasa kesejahteraan rakyat di pelbagai peringkat menggunakan ***whole of government and whole of society approach.***

11. Kerjasama ini sangat diperlukan terutamanya dalam merangka polisi dan strategi yang komprehensif bersesuaian dengan keperluan komuniti di masa hadapan.
12. Sebagai pengakhiran kepada ucapan saya, sekali lagi saya **merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Kampung Angkat MADANI Pasir Pekan Tengah ini.**

Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM saya
merasmikan **PROGRAM INTEGRASI KASIH KPWKM**
SEMPENA PENYERAHAN PROJEK FIZIKAL KAMPUNG
ANGKAT MADANI PASIR PEKAN TENGAH, TUMPAT,
KELANTAN.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
17 JANUARI 2025